

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG**  
**TARIKH : 30.10.2017**  
**SOALAN : NO. 33**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah rasional atau justifikasi untuk Kementerian Pendidikan Tinggi menaikkan kadar permit pengajar dari RM20 dan RM10 untuk pembaharuan kepada RM300 yang membebankan pensyarah-pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini dikawal selia dan ditadbir urus berdasarkan kepada peruntukan Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 (Akta 555) dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Seiring dengan pindaan Akta 555 yang telah diluluskan pada 2 Jun 2017, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah membuat pindaan kepada peraturan-peraturan di bawah Akta 555, termasuklah berkaitan kadar fi baharu permit mengajar.

Sepanjang Akta 555 ini diluluskan iaitu mulai tahun 1996 sehingga kini, fi permit mengajar tidak pernah dipinda dan kekal pada kadar RM 20 bagi tempoh sah laku 5 tahun. Sehubungan itu, kadar fi baharu yang dicadangkan selepas sesi *engagement* dengan IPTS dilaksanakan adalah RM 200 bagi setiap permohonan permit mengajar oleh warganegara dan tiada tempoh sah laku. Fi yang sama dikenakan ke atas

pensyarah bukan warganegara dan tempoh sahlaku bergantung kepada pas penggajian yang dikeluarkan oleh Jabatan Imegresen Malaysia.

Cadangan kenaikan kadar fi permit mengajar adalah berdasarkan justifikasi-justifikasi seperti berikut:

- (a) untuk membolehkan KPT mengenal pasti keperluan kelulusan bidang yang melayakkan pensyarah mengajar di IPTS semasa permohonan permit mengajar dikemukakan;
- (b) untuk melestarikan kualiti tenaga pengajar yang mengajar di IPTS di mana kelulusan permit adalah diberikan berdasarkan pengkhususan bidang dan bukan lagi mengikut subjek yang diajar;
- (c) untuk memberikan lebih peluang kepada tenaga pengajar untuk mengajar di mana-mana IPTS secara lebih terbuka tanpa mengabaikan kualiti tenaga pengajar yang ditetapkan oleh agensi pengawal selia; dan
- (d) cadangan kenaikan fi permit mengajar juga telah dikemas kini dengan kadar lebih berpatutan berdasarkan sesi maklum balas bersama-sama IPTS di seluruh Malaysia.